

6.2.3 Kakitangan yang dendanya dibayar melalui pemotongan gaji hendaklah direkodkan kesalahannya di dalam buku rekod perkhidmatan kakitangan tersebut.

6.3 Tidak Membayar Denda oleh Pelajar

Walauapapun yang dinyatakan di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib pelajar-pelajar) 1999, kegagalan pelajar membayar denda akan menyebabkan pelajar tidak dapat mendaftar pada semester berikutnya atau bergraduat sehinggalah denda berkenaan dibayar.

6.4 Merosakkan atau memusnahkan harta benda

Mana-mana kakitangan atau pelajar yang menggunakan kenderaan dalam kawasan kampus telah merosakkan atau memusnahkan harta benda Universiti atas sebab kecuaian atau akibat daripada kesalahan lalu lintas yang terkandung dalam peraturan ini dikehendaki membayar balik sejumlah wang mengikut nilai harta benda yang dirosakkan atau dimusnahkan seperti mana yang ditentukan oleh Naib Canselor.

6.5 Mengunci Roda Kenderaan

Penguatkuasa lalulintas boleh mengambil tindakan mengunci roda kenderaan motor yang melanggar peraturan 4.1, 4.4, 4.5 dan 4.6 dengan cara seperti berikut:

- (a) mengunci roda kenderaan berkenaan;
- (b) mengeluarkan notis pemberitahuan kesalahan dikunci roda mengikut *Jadual 2*; dan
- (c) membuka kunci roda kenderaan selepas pembayaran disahkan telah dibuat.